

21 MAY 2003

Pakej-Tajol

PENGECEUALIAN CUKAI IBU PEJABAT BEROPERASI BOLEH TARIK PELABUR LUAR

IPOH, 21 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak berpendapat tindakan kerajaan mengecualikan cukai pendapatan bagi ibu pejabat yang beroperasi akan menggalakkan lebih ramai pelabur luar datang ke Malaysia dan negeri itu.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata pengumuman perkara itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad di dalam pakej strategi baru merangsang ekonomi hari ini, akan dapat membantu negeri Perak kerana ia mempunyai banyak kerjasama dengan syarikat di India.

Katanya, kebanyakan syarikat itu beribu pejabat di India tetapi dengan langkah kerajaan ini, ia akan menggalakkan mereka membuka ibu pejabat di Malaysia.

"Dengan membuka ibu pejabat di sini, ia akan memberi peluang kepada kewujudan perkhidmatan lain yang akan menguntungkan kerajaan negeri selain peluang pekerjaan," katanya kepada pemberita selepas melakukan majlis pecah tanah bangunan tambahan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Perak di Wisma PBSM Perak, di sini hari ini.

Katanya, syarikat India itu kebanyakannya menjalankan operasi mereka di negara lain terutama Amerika Syarikat kerana cukai yang dibayar di India rendah.

"Pengumuman Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan tentang pengecualian cukai pendapatan ini boleh menarik syarikat yang beroperasi di negara lain untuk membuka ibu pejabat di Malaysia walaupun tidak beroperasi sepenuhnya di Malaysia berbanding negara lain.

"Walaupun mereka tidak beroperasi di Malaysia tetapi Malaysia tetap akan mendapat keuntungan dari kehadiran mereka dan kalau di Perak ia akan menguntungkan negeri Perak," katanya.

Tajol Rosli berkata dengan pengecualian cukai pendapatan bagi ibu pejabat yang beroperasi, hasrat kerajaan negeri untuk membangunkan Meru Raya sebagai mini Multimedia Super Coridor (MSC) akan dapat menarik lebih ramai pelabur.

Berkenaan pinjaman rumah kurang dari harga RM100,000 yang faedahnya tiga peratus dalam tahun pertama dan faedah sifar bagi deposit 10 peratus dalam tahun pertama bagi pinjaman dari Bank Simpanan Nasional (BSN) atau RM600 diberi bagi pinjaman dari bank lain, Tajol Rosli berkata langkah ini akan dapat mengatasi masalah rumah-rumah yang tidak terjual di negeri ini.

"Pembinaan 150,000 rumah kos murah dan sederhana bagi kontraktor yang mempunyai rekod yang baik adalah satu tindakan yang bagus. Bagi pembeli-pembeli rumah murah dan sederhana, kebanyakan mereka adalah orang yang memiliki hanya hartanah tersebut.

"Rumah tersebut mesti disediakan, jika tidak mereka akan susah. Jadi adalah perlu kontraktor yang dilantik adalah kontraktor yang berwibawa," katanya.

Beliau berkata bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam bukan sahaja akan menguntungkan kakitangan awam tetapi juga para peniaga kerana bonus tersebut meningkatkan kuasa membeli mereka.

"Pakej rangsangan yang diumumkan Perdana Menteri adalah langkah yang cukup baik bagi mengatasi masalah ketidaktentuan ekonomi dunia akibat pelbagai masalah yang melanda sekarang," katanya.

-- BERNAMA

KAY AHM

